

# KANDUNGAN

Syariah (930/1) .....	<i>1 – 7</i>
Syariah (930/2) .....	<i>9 – 11</i>
Syariah (930/3) .....	<i>13 – 17</i>

# SYARIAH (930/1)

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 2285 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 68.01% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	9.50	5.21	12.04	10.98	10.11	10.37	9.80	8.05	10.72	4.11	9.10

## RESPONS CALON

### Komen am

Keseluruhannya, mutu kertas soalan Syariah 1 adalah baik dan mencapai tahap kesesuaian calon peringkat STPM. Soalan-soalan merangkumi aspek pengetahuan, pemahaman, kemahiran berfikir, aplikasi dan analisis. Soalan ini meliputi aras yang mudah, sederhana dan sukar serta memenuhi tahap soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Ini membolehkan penilaian dibuat bagi melihat perbezaan antara calon yang baik, sederhana dan lemah.

### Komen soalan demi soalan

## BAHAGIAN A: Muamalat dan Munakahat

### Soalan 1

Soalan 1(a) menghendaki calon menerangkan jenis *khiyar* yang terdapat dalam maksud petikan hadis yang telah dinyatakan pada soalan. Kebanyakan calon dapat menjawab dengan baik soalan ini dan mendapat markah penuh. Namun, terdapat segelintir calon yang hanya menyatakan jenis *khiyar* tanpa menerangkannya atau penerangan yang diberikan kurang tepat. Jawapan yang sepatutnya ialah:

Jenis <i>Khiyar</i>	<i>Khiyar Aib</i>
Penerangan atau maksud	Hak <i>khiyar</i> yang diberikan kepada pembeli sama ada ingin meneruskan atau membatalkan jual beli jika terdapat kecacatan pada barang yang dibeli.

Soalan 1(b) menghendaki calon menjelaskan hak *khiyar* dalam empat situasi yang diberikan berserta alasan. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan mereka lebih menjurus kepada jenis *khiyar* seperti *khiyar majlis*, *khiyar syarat*, dan *khiyar aib*. Jawapan yang sepatutnya ialah:

No.	Kes/Situasi	Hak <i>Khiyar</i>	Alasan
(i)	Pembeli yang telah selesai urusan jual beli di sebuah kedai dalam sebuah pasar raya, telah keluar dari kedai tersebut, namun masih berada dalam pasar raya berkenaan.	<i>Khiyar</i> tamat / tiada hak <i>khiyar</i> / tidak harus / tidak boleh <i>khiyar</i>	Telah keluar dari kedai / majlis akad

No.	Kes/Situasi	Hak Khiyar	Alasan
(ii)	Seseorang membeli kambing untuk mendapatkan dagingnya (bukan tujuan korban), kemudian didapati sebahagian telinga kambing sudah terputus.	Tiada hak <i>khiyar</i> / <i>khiyar</i> tidak wujud	Kecacatan tidak menjejaskan nilai barangan / tujuan pembeli
(iii)	Setelah selesai akad jual beli, penjual dan pembeli itu keluar atau berjalan bersama-sama.	<i>Khiyar</i> masih ada / belum tamat / <i>khiyar majlis</i>	Masih berada dalam majlis / belum berpisah
(iv)	Pembeli menetapkan syarat selepas akad jual beli dengan berkata, “Saya berhak menuntut <i>khiyar</i> ”.	Tiada hak <i>khiyar</i> / <i>khiyar</i> tidak wujud	Tidak ditentukan tempoh / tidak menepati <i>khiyar syarat</i>

Soalan 1(c) menghendaki calon membincangkan ungkapan “*Barang yang sudah dibeli tidak boleh dikembalikan*” menurut konsep *khiyar*. Majoriti calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Mereka tidak faham dengan kehendak soalan dan jawapan mereka lebih kepada pernyataan mengenai jenis *khiyar* tanpa menghubungkaitkan antara konsep *khiyar* dengan ungkapan yang diberikan. Sedangkan jawapan yang sepatutnya adalah dinyatakan mengenai konsep asas *khiyar* dan dihubungkaitkan dengan ungkapan yang diberikan iaitu ungkapan tersebut memutuskan hak *khiyar* dan tidak boleh *khiyar* walaupun terdapat kecacatan pada barang kecuali jika barang berkenaan tidak boleh dilihat. Seterusnya calon hendaklah menyatakan pandangannya atau membuat kesimpulan dari jawapan yang telah diberikan.

## Soalan 2

Soalan 2(a) menghendaki calon menyatakan empat keadaan yang membatalkan wasiat. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan mereka menepati dengan kehendak soalan di mana empat keadaan yang membatalkan wasiat antaranya ialah:

- Penerima wasiat mati sebelum pewasiat.
- Pewasiat gila berterusan.
- Pewasiat menarik balik wasiat.
- Penerima wasiat menolak wasiat.
- Penerima wasiat membunuh pewasiat.
- Harta wasiat rosak atau musnah.

Soalan 2(b) menghendaki calon menghuraikan perbezaan antara wasiat am dengan wasiat khas. Kebanyakan jawapan yang dikemukakan oleh calon tidak lengkap dan menyebabkan mereka tidak memperolehi markah penuh. Mereka sekadar menyatakan bahawa wasiat am adalah wasiat umum dan wasiat khas adalah wasiat khusus tanpa menghuraikannya. Sedangkan jawapan yang sepatutnya adalah:

Wasiat Am	Wasiat Khas
Wasiat yang dibuat berbentuk umum	Wasiat yang dibuat berbentuk khusus
Penerimanya yang ramai seperti anak yatim, fakir miskin, penduduk kampung, dan lain-lain	Penerimanya adalah individu atau pihak yang khusus
Contohnya: “Saya wasiatkan rumah ini kepada anak-anak yatim di kampung ini”	Contohnya: “Saya wasiatkan rumah ini kepada Ali”

Soalan 2(c) menghendaki calon membincangkan kebaikan dan keburukan produk penulisan wasiat pada masa ini. Majoriti calon kurang memahami kehendak soalan. Soalan meminta calon membincangkan kebaikan dan keburukan produk penulisan wasiat, namun majoriti calon lebih memfokuskan kepada kebaikan dan keburukan wasiat bukannya penulisan wasiat. Jawapan yang sepatutnya ialah seperti yang berikut:

Kebaikan	Keburukan
Pengurusan wasiat lebih terancang dan teratur.	Melibatkan kos tertentu.
Harta pusaka boleh diuruskan dengan cepat.	Berlaku pergaduhan dalam kalangan waris.
Karenah birokrasi dalam pengurusan harta pusaka dapat dielakkan.	Dokumen wasiat mungkin hilang.
Boleh menjadi bukti jika ada pertikaian di Mahkamah.	Ada pihak yang mengambil kesempatan dengan membuat keuntungan yang tidak munasabah.
Pandangan calon / kesimpulan.	

### Soalan 3

Soalan 3(a) menghendaki calon menerangkan pengertian *rujuk* berserta dalil. Hampir kesemua calon dapat menjawab soalan ini dengan baik dan mendapat markah penuh. Namun ada juga segelintir calon yang tidak dapat memberikan pengertian *rujuk* dengan lengkap dan tidak dapat mengemukakan dalil. Jawapan bagi soalan ini ialah:

Pengertian <i>Rujuk</i>	Dalil
Mengembalikan isteri kepada nikah dalam tempoh <i>iddah</i> talak <i>raj'i</i>	الطَّلَاقُ مَرَّتَانِ فَإِمْسَاكَ بِمَعْرُوفٍ أَوْ تَسْرِيحٍ بِإِحْسَانٍ

Soalan 3(b) menghendaki calon menjelaskan empat syarat isteri yang hendak dirujuk. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun ada sebahagian calon yang hanya mengemukakan fakta sahaja tanpa huraian. Jawapan yang sepatutnya ialah:

Fakta	Huraian
Isteri yang diceraikan pernah disetubuhi	Jika isteri yang diceraikan itu tidak pernah disetubuhi maka tiada <i>iddah</i> dan tidak boleh rujuk
Isteri bukan ditalak tiga	Isteri yang diceraikan itu mestilah dengan cerai talak <i>raj'i</i>
Isteri yang diceraikan masih dalam <i>iddah</i>	Jika <i>iddah</i> telah tamat maka tidak boleh rujuk
Isteri yang dirujuk itu hendaklah ditentukan	Jika suami menceraikan lebih dari seorang isterinya
Perceraian bukan secara <i>khulu'</i>	Cerai secara <i>khulu'</i> dikategorikan cerai secara <i>bain</i>

Soalan 3(c) menghendaki calon menganalisis kes yang diberi berdasarkan rukun dan syarat rujuk. Sebahagian calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun sebahagian lagi calon tidak mampu menganalisis kes yang diberikan disebabkan tidak memahami situasi kes berkenaan. Jawapan mereka lebih kepada rukun dan syarat rujuk secara umum sahaja tanpa menghubungkaitkan dengan kes yang diberikan. Jawapan yang sepatutnya ialah:

- Rukun rujuk dalam kes berkenaan adalah *sighah* atau lafaz rujuk.
- Rujuk boleh dilakukan melalui lafaz yang *sarih* atau *kinayah*.
- Dalam kes ini, rujuk dilakukan melalui tulisan yang jelas (*sarih*).
- Dalam kes ini, isteri yang dirujuk masih berada dalam *iddah*.
- Perceraian juga belaku secara talak *raj'i*.
- Persetujuan isteri tidak diperlukan dalam kes rujuk.
- Saksi tidak diwajibkan dalam kes rujuk.
- Mazhab Syafie berpendapat bahawa rujuk hanya boleh dilakukan dengan lafaz bagi orang yang boleh bercakap.
- Justeru, rujuk dalam kes ini tidak sah.
- Tetapi jika si suami membaca catatan berkenaan di hadapan isterinya, maka rujuk berkenaan adalah sah.

## BAHAGIAN B: *Mirath* dan *Jenayah*

### Soalan 4

Soalan 4(a) menghendaki calon menerangkan pengertian *mirath* dan rukunnya. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun ada sebahagian calon tidak dapat menyatakan rukun *mirath* dengan tepat dan mereka terkeliru dengan rukun wasiat seperti pewasiat, penerima wasiat, dan *sighah*. Jawapan yang sepatutnya ialah seperti yang berikut:

Pengertian <i>Mirath</i>	Rukun <i>Mirath</i>
Pembahagian harta pusaka kepada waris @ sesuatu yang ditinggalkan oleh si mati @ kaedah fiqh dan hisab dalam pembahagian harta pusaka	(i) Pewaris @ si mati (ii) Waris (iii) Harta pusaka

Soalan 4(b) menghendaki calon menjelaskan pendapat *fuqaha* tentang kedudukan Baitulmal dalam pembahagian harta pusaka. Majoriti calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Mereka hanya menyatakan bahawa Baitulmal berhak mendapat harta pusaka tanpa menyatakan pandangan *fuqaha* serta tidak dinyatakan hujah atau alasan bagi pandangan berkenaan. Ada juga calon yang menyatakan kedudukan Baitulmal adalah sunat atau harus. Sedangkan jawapan yang sepatutnya ialah seperti berikut:

Fuqaha	Pandangan	Alasan @ Hujah
Mazhab Shafie dan Maliki	Baitulmal berhak mendapat harta pusaka jika ada lebihan atau si mati tiada waris	Setiap waris telah ditentukan haknya oleh syarak
Mazhab Hanafi dan Hanbali	Baitulmal tidak berhak mendapat harta pusaka dan jika ada lebihan diserahkan semula kepada waris atau diberikan kepada waris <i>dhawi al-arham</i>	Surah al-Anfal ayat 75 yang membenarkan waris <i>dhawi al-arham</i> mendapat harta pusaka

Soalan 4(c) menghendaki calon menyelesaikan dua kes pembahagian harta pusaka. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan dengan baik. Namun terdapat segelintir calon yang tidak dapat mencari asal masalah yang tepat bagi kedua-dua kes berkenaan. Jawapan yang sepatutnya adalah:

(i)	Waris	Fardu	Asal Masalah	Saham
	Isteri	1/4	12	3
	Ibu	1/3		4
	Bapa kepada bapa (datuk)	<i>Asabah</i>		5

  

(ii)	Waris	Fardu	Asal Masalah	Saham
	Suami	1/2	6	3
	Ibu	1/6		1
	Bapa	<i>Asabah</i>		2
	1 saudara perempuan seibu sebapa	<i>Mahjub</i>		–
	1 saudara lelaki sebapa	<i>Mahjub</i>		–

### Soalan 5

Soalan 5(a) menghendaki calon menerangkan maksud *harta pusaka ringkas* dan agensi yang terlibat dalam pentadbiran harta pusaka ringkas. Majoriti calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Mereka menyatakan harta pusaka ringkas ialah harta yang mudah dibahagikan. Di samping itu, kebanyakan calon tidak tahu agensi mana yang menguruskan harta pusaka ringkas. Kebanyakan mereka menyatakan bahawa Mahkamah Syariah atau Pejabat Tanah yang akan menguruskannya. Jawapan mereka ini menggambarkan bahawa mereka tiada maklumat mengenai harta pusaka ringkas. Sedangkan jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Maksud <i>harta pusaka ringkas</i>	Harta pusaka tanpa wasiat yang terdiri daripada harta alih sahaja yang jumlah nilainya tidak melebihi RM600,000.00
Agensi	Amanah Raya Berhad

Soalan 5(b) menghendaki calon menjelaskan prosedur tuntutan harta pusaka kecil di Unit Pembahagian Pusaka. Majoriti calon tidak dapat menjawab dengan baik. Sebahagian mereka tidak faham dengan kehendak soalan menyebabkan jawapan mereka tersasar, di mana mereka menyatakan tuntutan harta pusaka kecil boleh dibuat di Mahkamah Syariah. Selain itu, terdapat juga calon yang tidak faham apa itu pusaka kecil. Jawapan yang sepatutnya ialah:

- Harta pusaka kecil boleh dituntut di mana-mana unit pembahagian pusaka atau pejabat pejabat tanah di mana harta tak alih si mati berada.
- Permohonan hendaklah dibuat melalui Borang A.
- Permohonan hendaklah disertakan dengan dokumen harta sama ada harta tak alih atau harta alih.
- Permohonan juga disertakan dengan dokumen pengenalan diri setiap waris seperti salinan kad pengenalan, sijil nikah dan surat beranak.
- Selain itu, sijil kematian juga hendaklah disertakan.

- Permohonan boleh dibuat oleh waris-waris yang layak.
- Waris-waris hendaklah hadir ketika perbicaraan dijalankan.
- Bagi waris yang tidak hadir, maka borang persetujuan (Borang DDA) perlu disertakan.
- Peguam tidak diperlukan atau tidak digalakkan.

Soalan 5(c) menghendaki calon menyelesaikan dua kes pembahagian harta pusaka. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun terdapat segelintir calon yang tidak dapat mencari asal masalah yang tepat bagi kedua-dua kes berkenaan. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

(i)

Waris	Fardu	Asal Masalah	Saham
Ibu	1/6	6	1
2 saudara perempuan seibu sebapa	2/3		4
1 saudara perempuan sebapa	<i>Mahjub</i>		–
3 bapa saudara sebelah bapa seibu sebapa	<i>Asabah</i>		1

(ii)

Waris	Fardu	Asal Masalah	Saham	RM120,000
Suami	1/4	12	3	RM30,000
Bapa	1/6		2	RM20,000
1 anak lelaki	<i>Asabah</i>		7	RM70,000

### Soalan 6

Soalan 6(a) menghendaki calon menyatakan empat hikmah pensyariatan *qisas*. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan mereka menyamai kehendak soalan, iaitu:

- Memberi keadilan kepada manusia.
- Dapat mencegah perlakuan jenayah dalam kalangan masyarakat.
- Dapat meredakan kemarahan dan dendam waris mangsa.
- Menjamin kehidupan yang tenteram.
- Mengurang atau menghapuskan dosa serta azab di akhirat.

Soalan 6(b) menghendaki calon menjelaskan kesalahan yang dikenakan hukuman *diyat* berserta kadarnya. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun ada sebahagian calon yang menyatakan pembunuhan secara sengaja sahaja tanpa menyatakan dimaafkan oleh waris yang menyebabkan mereka tidak mendapat markah penuh. Jawapan yang sepatutnya ialah:

Kesalahan	Kadar
Pembunuhan secara sengaja tetapi dimaafkan oleh waris mangsa	<i>Diyat mughallazah</i> iaitu 100 ekor unta/ nilaiannya 800 dinar
Pembunuhan seumpama sengaja	<i>Diyat mughallazah</i> iaitu 100 ekor unta/ nilaiannya 800 dinar
Pembunuhan tidak sengaja/ tersalah	<i>Diyat mukhaffafah</i> iaitu 100 ekor unta/ nilaiannya 400 dinar

Soalan 6(c) menghendaki calon membincangkan pernyataan “Konsep *denda* dalam Kanun Keseksaan tidak menepati konsep *diyat* dalam undang-undang jenayah Islam”. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun terdapat sebahagian calon tidak menyatakan pandangannya atau kesimpulan daripada perbincangan berkenaan. Di samping itu, terdapat juga calon yang terkeliru antara *takzir* dengan *diyat*. Sedangkan jawapan yang sepatutnya ialah:

- Denda yang terdapat dalam Kanun Keseksaan tidak berasaskan hukum syarak.
- Denda tidak dibayar kepada wali atau waris mangsa.
- Kadar denda ditentukan oleh mahkamah.
- Kadar denda lebih rendah daripada kadar *diyat*.
- Di samping denda, penjenayah juga dikenakan hukuman penjara.
- Pengampunan bagi penjenayah dibuat oleh pemerintah bukannya waris.
- Rumusan/kesimpulan/pandangan calon.



# SYARIAH (930/2)

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 2272 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 70.12% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon bagi setiap gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	11.80	9.02	9.42	9.20	11.31	9.07	10.30	7.53	6.51	5.41	10.43

## RESPONS CALON

### *Komen am*

Secara keseluruhan mutu soalan tahun ini adalah baik. Soalan yang dikemukakan sesuai untuk menilai calon kerana merangkumi pengujian tahap pengetahuan, pemahaman, aplikasi, dan analisis.

### *Komen soalan demi soalan*

## BAHAGIAN A: Usul Fiqh

### Soalan 1

Soalan 1(a) menghendaki calon membezakan antara ijmak *sarih* dengan ijmak *sukuti*. Perbezaan boleh berdasarkan pengertian, contoh, hukum dan kehujahannya tetapi terdapat calon memberikan maksud ijmak *sarih* yang tidak lengkap. Secara keseluruhan majoriti menjawab soalan ini dengan tepat.

Soalan 1(b) menghendaki calon menghuraikan pandangan ulama usul fiqh tentang kehujahan ijmak *sukuti*. Majoriti calon mampu memberikan dua pandangan ulama berserta dua dalil *aqli*. Hanya segelintir calon sahaja yang mampu memberikan tiga dalil kehujahan sepertimana yang dikehendaki oleh soalan bersesuaian dengan markah yang diperuntukkan. Di samping itu, terdapat juga calon menjawab soalan ini dalam bentuk huraian tanpa menjelaskan pandangan ulama menerima dan menolak dengan tepat.

Soalan 1(c) menghendaki calon membincangkan pendapat ulama usul fiqh yang menyatakan bahawa ijmak mesti mempunyai sandaran dalil. Majoriti calon berjaya memberikan jawapan yang tepat pada satu fakta sahaja, iaitu ijmak mesti mempunyai sandaran dalil sama ada al-Quran atau hadis. Ada sebahagian kecil calon tidak memahami soalan dengan memberikan pendapat ulama yang menerima dan menolak. Ada sebahagian calon tidak membuat kesimpulan menyebabkan mereka tidak mendapat markah penuh.

### Soalan 2

Soalan 2(a) menghendaki calon menerangkan maksud pernyataan yang berhuruf condong iaitu: “*Berpindah dari suatu hukum yang sudah diberikan kepada hukum lain yang sebanding dengannya kerana ada suatu sebab yang dinilai lebih sesuai.*” Sebahagian kecil calon berjaya menjawab dengan tepat, iaitu *istihsan* dan huraian kepada pernyataan yang diberikan dengan tepat. Sebahagian besar calon hanya mampu memberikan huraian tanpa menyatakan ia adalah kaedah *istihsan*.

Soalan 2(b) menghendaki calon menjelaskan empat bahagian *istihsan* berserta contoh. Majoriti calon mampu memberi jawapan yang tepat sebagaimana yang dikehendaki. Sebahagian kecil calon memberikan contoh yang salah bagi bahagian *istihsan* yang dinyatakan dan ada sebahagian kecil calon yang lain memberikan jawapan yang salah.

Soalan 2(c) menghendaki calon membincangkan aplikasi kaedah *istihsan* dalam pengambilan ubat-ubatan yang mengandungi bahan haram. Kebanyakan calon tidak mengemukakan hukum asal, mereka hanya mengemukakan hukumnya harus kerana keperluan yang mendesak. Selain itu, terdapat sebahagian calon tidak membuat kesimpulan menyebabkan mereka tidak mendapat markah penuh. Jawapan yang sepatutnya ialah: hukum asalnya haram, namun atas dasar *istihsan* ubat tersebut harus digunakan kerana *darurah*. Calon juga hendaklah membuat rumusan atau kesimpulan di akhir perbincangannya itu.

### Soalan 3

Soalan 3(a) menghendaki calon membezakan antara *taqlid* dengan *talfiq* berserta contoh. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik di mana mereka menyatakan pengertian *taqlid* iaitu mengambil pendapat mujtahid tanpa mengetahui dalil berserta dengan contoh dan *talfiq* iaitu melakukan sesuatu dengan cara mencampuradukkan pendapat mujtahid berserta dengan contoh.

Soalan 3(b) menghendaki calon menghuraikan prinsip *talfiq* dalam isu keharusan mengeluarkan zakat fitrah dengan menggunakan wang. Kebanyakan calon dapat menerangkan konsep *talfiq* dengan baik. Namun begitu, terdapat calon yang hanya menyatakan hukum mengeluarkan zakat fitrah tetapi tidak dapat menghubungkannya dengan konsep *talfiq*.

Soalan 3(c) menghendaki calon membincangkan hukum tawaf seseorang wanita yang tidak sengaja menyentuh seseorang lelaki yang bukan mahram tanpa sebarang lapik. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik namun terdapat sebahagian calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik, terutama dari segi huraian jawapan yang tidak mencakupi kehendak soalan.

## BAHAGIAN B: Kaedah Fiqh

### Soalan 4

Soalan 4(a) menghendaki calon menerangkan pengertian *kaedah fiqh* berserta contoh. Sebahagian calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun ada sebahagian calon menerangkan pengertian *kaedah fiqh* yang tidak lengkap menyebabkan mereka kehilangan markah. Jawapan yang sepatutnya ialah; *kaedah fiqh* ialah asas atau prinsip yang bersifat menyeluruh dalam bentuk nas yang mengandungi hukum-hakam yang disyariatkan secara umum mengenai perkara-perkara yang tergolong dalam lingkungannya.

Soalan 4(b) menghendaki calon menjelaskan tiga sandaran *kaedah fiqh* berserta contoh. Majoriti calon dapat memberikan tiga sandaran *kaedah fiqh* iaitu al-Quran, al-Sunnah, athar dan ijmak. Namun mereka tidak mampu mengemukakan contoh bagi ketiga-tiga sandaran kaedah fiqh tersebut. Ini menyebabkan tidak ramai calon yang memperoleh markah penuh untuk soalan ini.

Soalan 4(c) menghendaki calon membincangkan empat perbezaan antara *kaedah fiqh* dengan *usul fiqh*. Majoriti calon gagal mendapat markah penuh kerana tidak mampu memberikan empat perbezaan dengan tepat. Calon yang sederhana hanya mampu memberikan tiga atau dua perbezaan, manakala calon yang lemah hanya memberikan jawapan yang salah menyebabkan mereka kehilangan markah. Terdapat sesetengah calon tidak membuat kesimpulan di akhir jawapan mereka.

## Soalan 5

Soalan 5(a) menghendaki calon menerangkan kaedah **الضرر لا يزال بالضرر** berserta dua contoh. Majoriti calon dapat memberikan pengertian kaedah atau huraian kaedah dengan betul. Calon juga dapat mengemukakan dua contoh dengan tepat. Secara keseluruhan ramai calon mendapat markah penuh.

Soalan 5(b) menghendaki calon menjelaskan ayat **فمن اضطر غير باغ ولا عاد فلا اثم عليه** dan mengaitkan dengan kaedah fiqh yang bersesuaian berserta contoh. Majoriti calon hanya memberikan kaedah serta contoh sahaja tanpa menghubungkan dengan ayat yang diberikan. Ini menyebabkan tidak ramai calon yang memperoleh markah penuh.

Soalan 5(c) menghendaki calon menghuraikan permasalahan yang diberikan dan kaedah terbitan yang berkaitan. Majoriti calon tidak dapat menjawab soalan c(i) dengan dengan baik kerana mengaitkan permasalahan dengan kaedah terbitan yang tidak tepat. Terdapat sebahagian calon dapat menyatakan kaedah terbitan yang tepat, namun huraianya tidak tepat. Bagi soalan c(ii), majoriti calon dapat menjawabnya dengan baik dan mengaitkan dengan kaedah terbitan yang betul.

## Soalan 6

Soalan 6(a) menghendaki calon menerangkan kaedah fiqh bagi dalil hadis **يسروا ولا تعسروا** berserta contoh. Majoriti calon dapat menjawab ini dengan baik dan tepat iaitu kaedahnya adalah **المشقة تجلب التيسير** dan contohnya diharuskan jama' dan qasar solat ketika musafir. Kebanyakan calon mendapat markah penuh bagi soalan ini.

Soalan 6(b) menghendaki calon menghuraikan kaedah **إذا ضاق الأمر اتسع** dan kaedah **إذا اتسع الأمر ضاق** berserta contoh. Majoriti calon dapat menghuraikan kaedah terbitan yang diberikan dengan tepat berserta contoh. Sebahagian kecil calon memberikan contoh yang salah sebagai jawapan seperti seseorang itu hendaklah solat di awal waktu bagi yang tiada keuzuran untuk kaedah **إذا اتسع الأمر ضاق**.

Soalan 6(c) menghendaki calon menjelaskan perkaitan kaedah **إذا اتسع الأمر ضاق** pada dua permasalahan yang diberikan. Majoriti calon dapat menjawab soalan (c)(i) dengan baik, namun majoriti calon gagal menjawab dengan baik bagi soalan (c)(ii). Calon hanya menyatakan hukum pengambilan ubat yang mengandungi bahan yang haram adalah haram, tanpa menjelaskan perkaitannya dengan kaedah fiqh yang dinyatakan.

# SYARIAH (930/3)

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3, sebanyak 2259 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 79.59% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	16.91	9.34	11.95	10.31	10.49	13.24	7.35	5.49	4.69	3.50	6.73

## RESPONS CALON

### *Komen am*

Secara keseluruhan mutu jawapan calon pada tahap yang baik. Soalan yang dikemukakan sesuai untuk menilai calon kerana merangkumi pengujian tahap pengetahuan, pemahaman, kemahiran berfikir, aplikasi, dan analisis. Soalan pada tahun ini berada pada tahap sederhana dan sesuai dengan tahap calon serta tidak terlalu susah untuk dijawab oleh para calon. Istilah-istilah yang digunakan bersesuaian dengan tahap pengetahuan calon-calon STPM. Masa yang diperuntukkan mencukupi dengan jumlah soalan yang wajib dijawab oleh calon. Aras soalan juga bersesuaian dengan penguasaan dan pengetahuan calon, aras soalan ada yang rendah, sederhana, dan tinggi.

### *Komen soalan demi soalan*

## BAHAGIAN A: Ayat Ahkam

### Soalan 1

Soalan 1(a) menghendaki calon menyatakan empat perkara yang perlu di jauhi oleh *عباد الرحمن* berdasarkan ayat 67 dan 68 surah al-Furqan.

Majoriti calon dapat memberikan jawapan dengan tepat berdasarkan ayat tersebut iaitu tidak membazir, tidak kedekut, tidak membunuh jiwa, dan tidak melakukan zina. Cuma sebilangan kecil calon menjawab tidak berdasarkan ayat 67 dan 68 tetapi dari keseluruhan ayat 63 hingga 68 dalam sukatan mata pelajaran yang dipelajari.

Soalan 1(b) menghendaki calon menerangkan dua amalan yang dimaksudkan dalam ayat 64 surah al-Furqan dan dua kelebihan amalan tersebut.

Kebanyakan calon dapat menerangkan dua amalan yang disebut dalam ayat 68 surah al-Furqan iaitu bangun malam untuk beribadah dan mendirikan solat namun gagal menjawab dengan tepat kelebihan amalan tersebut. Terdapat juga calon yang menjawab tidak berdasarkan ayat 64 tetapi berdasarkan keseluruhan ayat. Banyak juga calon menjawab amalan dengan betul tetapi kelebihannya dijawab berdasarkan takwilan sendiri dan mengakibatkan markah mereka dipotong kerana tidak mengikut skema, sedangkan jawapan yang dikehendaki adalah berdasarkan nas, bukan takwilan semata.

Jawapan calon seperti amalan berjalan dengan sopan santun dan bercakap baik dengan orang yang jahil. Sedangkan jawapan sepatutnya ialah bangun pada malam hari untuk beribadah dan mendirikan solat-solat sunat. Manakala kelebihan amalan tersebut ramai calon menjawab bangun malam dapat melatih untuk berdisiplin sedangkan jawapan yang tepat ialah waktu malam sunyi, khusyuk untuk beribadah dan waktu doa mustajab serta dibanggakan Allah di hadapan para malaikat.

Soalan 1(c) menghendaki calon membincangkan tiga kesan buruk terhadap individu yang bersikap angkuh. Aras soalan tidak terlalu sukar dan ramai calon dapat menjawab dengan betul walaupun tidak mengikut urutan. Sebahagian calon menjawab tidak mendapat rahmat Allah, dimurkai Allah, dibenci Allah dan hidup tidak diberkati. Jawapan seperti ini tepat namun dikategorikan sebagai jawapan satu isi sahaja. Ini menyebabkan ketirisan markah berlaku. Soalan ini juga memerlukan kesimpulan calon. Kebanyakan calon memberikan kesimpulan yang mudah dengan menyatakan seperti berikut, kesimpulannya sifat angkuh perlu dijauhi. Sebahagian calon menjawab dengan jawapan yang terlalu umum seperti dibenci Allah, tidak mendapat pahala, dan mendapat dosa. Kesemua jawapan ini adalah ditolak kerana keumuman jawapan yang terlalu luas.

Jawapan sepatutnya ialah: Dia dibenci / tidak dihormati oleh masyarakat; Sukar mendapat pertolongan; Tidak mendapat rahmat daripada Allah dan kesimpulan.

## Soalan 2

Soalan 2(a) menghendaki calon menerangkan dua suruhan Allah SWT berdasarkan surah al-Hajj ayat 77. Calon yang lemah menjawab suruhan Allah tidak berdasarkan ayat 77 tetapi berdasarkan pengetahuan sedia ada mereka seperti Allah menyuruh supaya jangan mengikut hawa nafsu dan jangan melakukan perkara yang Allah murkai. Calon yang sederhana mampu menjawab mengikut skema namun kurang dari segi huraian. Jawapan ini memerlukan huraian yang baik. Akibatnya calon hanya mendapat separuh markah daripada markah keseluruhan.

Calon yang cemerlang mampu menjawab soalan yang dikehendaki iaitu Allah memerintahkan untuk mendirikan solat, berbuat baik dan beribadah dengan huraian yang cemerlang.

Soalan 2(b) menghendaki calon menjelaskan empat mesej yang boleh diambil berdasarkan ayat 78 surah al-Hajj. Calon yang lemah hanya dapat memberikan jawapan dua mesej daripada empat mesej yang terkandung dalam ayat tersebut. Kebanyakan calon menjawab mesej berjihad dan mendirikan solat sahaja. Calon yang sederhana menjawab lebih tiga isi dan huraian yang biasa dan ringkas seperti jawapan umat Islam di perintah berjihad, mendirikan solat, menunaikan zakat berserta huraian. Sebahagian calon menjawab dengan tepat berserta huraian. Tetapi sebahagian yang lain menjawab tanpa huraian. Ramai calon tidak mendapat markah penuh sama ada dari sudut kesalahan fakta atau kesalahan tidak ada huraian. Calon yang cemerlang mampu menjawab empat mesej lengkap berserta huraian seperti yang dikehendaki iaitu umat Islam diperintahkan berjihad, Islam agama yang mudah, Allah memerintahkan melakukan solat, menunaikan zakat dan berpegang teguh kepada tali Allah. Huraian yang diberikan juga sempurna.

Soalan 2(c) menghendaki calon membincangkan tiga hikmah pensyariatkan berjihad dalam Islam yang merujuk kepada peperangan. Kebanyakan calon tidak memahami maksud pensyariatkan yang dimaksudkan menyebabkan mereka menjawab hikmah jihad seperti menuntut ilmu atau jihad nafsu (jihad akbar). Oleh itu kebanyakan calon menjawab hikmah pensyariatkan yang tidak tepat. Antara jawapan yang ditemui rata-rata mengemukakan jihad dapat mengawal hawa nafsu daripada terjerumus kepada perkara mungkar dan hikmah jihad dapat menguatkan hubungan silaturrahim dalam kalangan umat Islam. Ramai calon mendapat markah yang rendah dalam soalan ini kerana beberapa perkara seperti fakta yang berulang, jawapan tidak lengkap seperti mempertahankan jiwa sahaja tanpa harta dan tanah air, dan ramai juga calon yang memberi jawapan yang terkeluar daripada kefahaman ayat dan jawapan yang terlalu umum seperti mendapat pahala. Sedangkan jawapan yang sepatutnya ialah dapat

meninggikan syiar Islam, dapat melindungi mereka yang lemah dan mempertahankan jiwa, harta dan tanah air. Oleh kerana calon gagal menjawab dengan tepat maka markah untuk kesimpulan juga tidak dapat diperoleh menyebabkan pencapaian markah bahagian ini adalah rendah.

### Soalan 3

Soalan 3(a) menghendaki calon menerangkan maksud dua mesej yang terkandung dalam ayat 60 surah al-Nisa'. Kebanyakan calon tidak dapat memberikan jawapan yang tepat. Jawapan calon dalam soalan ini ialah manusia haruslah menjauhkan diri daripada sifat keji atau kita hendaklah mentaati pemimpin yang melaksanakan pemerintahan secara adil. Sebahagian calon dapat menjawab dengan tepat walaupun tidak mengikut skema dengan tepat dan ayat yang berbeza, tetapi maksud dikehendaki adalah sama. Jawapan yang sepatutnya ialah:

- Larangan daripada mengikut thaghut dan menghukum selain daripada hukum Allah.
- Larangan mengikut syaitan yang menyesatkan manusia.

Soalan 3(b) menghendaki calon menjelaskan empat perintah yang terdapat dalam ayat-ayat yang diberikan. Kebanyakan calon tersilap dalam menjawab soalan ini dengan beranggapan bahawa taat kepada perintah Allah, Rasul dan pemimpin sebagai isi yang berasingan. Sedangkan ia adalah di bawah satu isi. Lantaran itu calon kehilangan empat markah kerana isi yang tidak mencukupi. Ramai calon menjawab soalan ini dengan tepat berserta huraian, manakala sebahagian menjawab tanpa huraian menyebabkan markah mereka dipotong separuh, manakala segelintir calon menjawab luar dari konteks ayat menyebabkan markah mereka dipotong terus. Manakala ada juga sebahagian calon yang menjawab tidak sempurna seperti hanya mentaati Allah sahaja, tiada Rasul dan pemimpin, menyebabkan markah mereka dipotong separuh.

Jawapan yang dikehendaki ialah empat perintah tersebut iaitu:

- Menunaikan amanah dengan baik, melaksanakan keadilan sesama manusia.
- Taat kepada Allah, rasul dan pemimpin.
- Merujuk kepada al-Quran dan hadis dalam pemerintahan.

Soalan 3(c) menghendaki calon membincangkan tiga peranan iman dalam memastikan pemerintah melaksanakan keadilan. Majoriti calon tidak dapat memberikan jawapan yang tepat sepertimana yang dikehendaki oleh soalan. Calon tidak dapat menjelaskan peranan iman dengan tindakan pemerintah yang beriman untuk melaksanakan keadilan. Tiada seorang pun calon yang dapat menjawab dengan tepat soalan ini. Akibatnya mereka tidak mendapat markah yang tinggi untuk soalan 3. Soalan ini sememangnya menguji kefahaman calon sehingga ramai calon gagal menjawab soalan ini dengan baik. Hanya segelintir kecil mendapat markah separuh dan yang lainnya gagal mendapat sebarang markah. Jawapan dikehendaki adalah memerlukan jawapan yang bertepatan dengan konteks iman iaitu membentuk pemerintah yang adil iaitu iman mengajar ada tuhan yang memerhati, iman memberitahu adanya hari pembalasan, iman memberitahu bahaya kezaliman (doa orang yang dizalimi dikabulkan Allah), iman memberitahu kelebihan pemerintah adil, iman mendorong pemerintah tidak pilih kasih, berat sebelah dan lain-lain kesimpulan.

## BAHAGIAN B: *Hadis Ahkam*

### Soalan 4

Soalan 4(a) menghendaki calon menyatakan empat perbuatan yang menyebabkan seseorang itu mufliis di akhirat berdasarkan hadis yang diberi. Kebanyakan calon dapat menjawab dengan tepat iaitu mencaci maki, menuduh tanpa bukti, memakan harta dengan zalim, membunuh sesuka hati, dan memukul sesuka hati. Kebanyakan calon mendapat markah penuh untuk soalan ini. Hanya segelintir kecil calon yang kehilangan satu atau dua markah disebabkan fakta yang berulang atau menjawab fakta di luar konteks hadis.

Soalan 4(b) menghendaki calon menjelaskan tiga bentuk balasan kepada golongan yang muflis di akhirat. Kebanyakan calon dapat memberikan tiga balasan kepada golongan yang muflis di akhirat dengan tepat. Jawapan yang diberikan menepati kehendak soalan iaitu pahalanya diberikan kepada mangsanya, menanggung dosa orang yang dizalimi, dan dimasukkan ke dalam api neraka.

Soalan 4(c) menghendaki calon membincangkan empat perbuatan memakan harta secara zalim dan implikasinya terhadap masyarakat. Sebahagian kecil calon tidak memahami maksud perbuatan makan harta secara zalim. Antara jawapan yang salah ialah berjudi, membayar gaji lambat kepada pekerja, dan berbelanja secara berlebihan. Kebanyakan calon mampu memberikan jawapan empat perbuatan memakan harta secara zalim dengan tepat namun gagal menjelaskan implikasi perbuatan tersebut kepada masyarakat. Kesilapan jawapan calon ialah menjelaskan implikasi umum dan bukan implikasi kepada masyarakat seperti yang diminta dalam soalan.

Contoh jawapan memakan harta secara zalim ialah mencuri, memakan riba, memakan rasuah yang membawa kucar-kacir dalam masyarakat.

### Soalan 5

Soalan 5(a) menghendaki calon menerangkan maksud (من هو فوقه فاقد به) dan (من هو دونه فحمد) (الله على ما فضله به). Soalan ini menghendaki calon memberikan maksud potongan hadis tersebut. Kebanyakan calon boleh memberikan maksud potongan hadis tersebut dengan cemerlang. Hanya sebahagian calon yang memberi maksud berbeza kerana berkemungkinan tidak faham akan kehendak teks. Ada juga sebahagian kecil calon yang terbalik dalam menterjemah teks pada kalimah tinggi dan rendah seperti jawapan contoh “Orang yang lebih rendah dalam mengamalkan agama dan dia mengikutinya” menyebabkan markahnya dipotong.

Soalan 5(b) menghendaki calon menjelaskan bagaimana agama dan dunia dijadikan ukuran kepada amalan manusia. Kebanyakan calon hanya mampu memberikan dua isi sahaja untuk soalan ini sedangkan isi yang dikehendaki ialah tiga isi. Lantaran itu calon ketirisan 2 markah. Calon mampu menjawab dua isi yang berikut:

- (i) Umat Islam perlu mencontohi orang yang lebih tinggi dalam urusan agama.
- (ii) Umat Islam perlu bersyukur apabila melihat adanya orang yang lebih rendah daripadanya dalam urusan dunia.

Namun terdapat satu lagi isi iaitu umat Islam perlu bersabar dengan ujian seperti kemiskinan dan kesusahan di dunia. Calon tidak dapat menjawab tiga isi tersebut kerana hanya mengambil jawapan dalam potongan hadis di atas.

Soalan 5(c) menghendaki calon membincangkan empat strategi yang boleh dilakukan oleh pemimpin Islam bagi meningkatkan kualiti modal insan. Kebanyakan calon tidak mampu menjawab semua strategi dengan tepat. Akibatnya calon kehilangan markah yang besar. Antara jawapan kebanyakan calon tulis ialah menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai perlembagaan negara dan menguatkuasakan undang-undang berteraskan al-Quran dan al-Sunnah, sedangkan jawapan ini tidak tepat. Jawapan yang sepatutnya ialah memantapkan pegangan aqidah, memantapkan ibadah, memantapkan akhlak, memantapkan pendidikan/ilmu, dan pemimpin menunjukkan teladan yang baik. Memandangkan calon tidak dapat mengemukakan empat strategi yang tepat maka markah penuh kesimpulan juga tidak dapat diperolehi. Inilah yang menyebabkan calon tidak dapat markah yang tinggi untuk soalan ini. Dari sudut soalan, ianya adalah soalan yang jelas dan langsung yang menghendaki maklumat yang tepat. Tetapi soalnya lebih cenderung ke arah jawapan yang terbuka. Manakala dari sudut jawapannya, ianya juga memerlukan jawapan terhadap peningkatan kualiti modal insan dan bersifat terbuka. Walau bagaimanapun jawapan yang bersifat terbuka ini tidak dapat dijangka oleh calon keseluruhannya kerana mereka hanya lebih fokus kepada jawapan yang umum dan bukan kepada peningkatan kualiti modal insan. Para guru dinasihati untuk menumpukan kepada kehendak sebenar soalan apabila membuat latihan terhadap soalan-soalan yang telah keluar bagi memastikan calon menjawab soalan yang diminta dengan betul dan tepat dan bukannya jawapan berbentuk umum.

## Soalan 6

Soalan 6(a) menghendaki calon menerangkan maksud petikan hadis berikut ( فَإِنهَا يَطْلَى بِهَا السَّفِينُ ) وَيُدْهَنُ بِهَا الْجُلُودُ وَيَسْتَصْبِحُ مِنَ النَّاسِ ). Hanya sebahagian kecil calon dapat menjawab dengan baik untuk soalan ini. Calon keliru antara lemak binatang dengan lemak babi. Calon menjawab lemak babi sedangkan soalan menyebut lemak binatang.

Jawapan yang sepatutnya ialah sesungguhnya lemak binatang itu digunakan untuk mengecat kapal, untuk melicin dan melembab kulit dan dijadikan minyak pelita.

Soalan 6(b) menghendaki calon menjelaskan tiga contoh helah yang harus dilakukan oleh umat. Ramai calon mampu memberikan jawapan dengan betul. Hanya sebilangan kecil sahaja yang tidak mampu memberikan jawapan yang kurang tepat. Dari sudut soalan, soalan ini masih lagi berkaitan dengan nas yang dikemukakan, cumanya adalah terbuka kepada contoh yang luar daripada nas hadis yang diberikan. Contoh-contoh yang dikehendaki adalah sangat terbuka dan aras soalan juga tidak terlalu sukar. Walau bagaimanapun ramai calon dapat menjawabnya dengan baik dan mendapat markah yang tinggi, tetapi ada sebahagian calon kehilangan markah atas beberapa faktor. Antaranya adalah mempunyai jawapan yang berulang, jawapan yang tidak menepati skema, dan jawapan yang luar dari konteks soalan.

Jawapan yang sepatutnya ialah helah untuk mendamaikan dua orang yang berbalah, helah suami dan isteri, helah dalam peperangan, dan helah untuk menyelamatkan nyawa. Calon dapat menjawab berserta huraian yang tepat.

Soalan 6(c) menghendaki calon membincangkan tiga kesalahan umat Yahudi sehingga mereka mendapat laknat Allah SWT. Kebanyakan calon memberikan contoh helah yang tidak tepat seperti mengaut keuntungan daripada hasil lemak babi dan mencampuradukkan benda yang halal dengan yang haram. Kebanyakan calon menjawab soalan ini dengan jawapan “Umat Yahudi dilaknat Allah kerana mereka mengambil bangkai untuk dijadikan varnis kapal, untuk membuat pelita, dan untuk melicinkan kulit, (berserta huraian penuh).

Jawapan yang sepatutnya ialah banyak melakukan helah, mengubah kitab Taurat, memerangi nabi-nabi, tidak mencegah kemungkaran berserta huraian dan kesimpulan.